

# PM: MTUC bukan pejuang pekerja

U.M. 27 APRIL 1993

KUALA LUMPUR 26 April — Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) bukanlah pejuang sebenar nasib pekerja di negara ini sebaliknya menjadi wakil pertubuhan-pertubuhan buruh antarabangsa bagi menasabotaj pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, MTUC sekurang lebih cenderung untuk menjaga kepentingan negara-negara asing berbanding kepentingan kaum buruh di negara ini.

Beliau berkata, MTUC juga telah digunakan oleh para pemimpin kesatuan sekerja untuk survival peribadi mereka yang kebanyakannya mewakili kepentingan parti politik tertentu, khususnya parti pembangkang.

Beliau berkata: "Para pekerja di Malaysia harus faham bahawa MTUC kini menjadi alat politik. MTUC mempunyai hu-

bungan baik dengan pertubuhan buruh negara Barat.

Dr. Mahathir menambah, jika kerajaan mengambil sebarang tindakan terhadap MTUC, senjata mereka ialah meminta Pertubuhan Buruh Antarabangsa mengambil tindakan ke atas barangan Malaysia.

Menurut Dr. Mahathir, disebabkan MTUC kerap bergantung kepada bantuan asing untuk kepentingan diri para pemimpinnya, kesatuan itu gagal melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap rakyat dan negara ini.

Bercakap kepada para pemberita selepas menghadiri istiadat pembukaan Penggal Ketiga Majlis Parlimen Yang Kelapan di Bangunan Parlimen hari ini, Perdana Menteri menegaskan, MTUC tidak pernah membantu mewujudkan peluang pekerjaan bagi rakyat negara ini.

"Bila ada rakyat menganggur, MTUC tidak mempedulikan langsung nasib mereka, malah para pemimpinnya bekerjasama dengan pertubuhan buruh asing hingga mengakibatkan lebih ramai pekerja negara ini hilang pekerjaan," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian sebagai menngulas tindakan MTUC mengecam cara kerajaan mengendalikan isu perburuhan di negara ini dalam Laporan Tahunan 1991/92 yang dihantar kepada Persekutuan Antarabangsa Kesatuan Sekerja Bebas (ICFTU), iaitu sebuah persekutuan kesatuan sekerja yang paling berpengaruh di dunia.

Dalam laporan itu, MTUC antara lain menuduh kerajaan Malaysia cuba mengambil alih peranan kesatuan sekerja dengan menganjurkan sendiri majlis perayaan Hari Pekerja pada 1 Mei ini.